



17 JAN, 2023

Nik Aiman yakin peluang Malaysian Tigers

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 2

Nik Aiman yakin peluang Malaysian Tigers

ROURKELA — Penyerang skuad hoki negara, Nik Muhammad Aiman Nik Rozemi terkilan kerana tidak dapat membantu rakan-rakan sepasukannya di bumi India menghadapi Piala Dunia Hoki 2023.

Nama Nik Aiman, 27, terpaksa disisihkan daripada senarai 18 terbaik ke Piala Dunia kali ini disebabkan perlu menjalani pembedahan ekoran kecederaan anterior cruciate ligament (ACL) lutut kanan.

Biarpun tanpanya, bintang Tenaga Nasional Berhad itu percaya rakan sepasukan yang lain mampu memastikan *Malaysian Tigers* mencapai sasaran ke pusingan seterusnya.

"Awalnya memang kecewa sebab cedera saat-saat akhir. Saya anggap bukan rezeki ke Piala Dunia kali ini dan fokus untuk proses pemulihan.

"Harapan saya kepada pasukan nak lihat mereka buat sehabis baik dan cuba capai sasaran. Kalau boleh naikkan ranking dan tunjukkan kemam-

puan kita di Piala Dunia.

"Buktikan kepada pasukan-pasukan di sana siapa Malaysia. Saya percaya kita masih ada peluang untuk ke pusingan kedua," kata Nik Aiman yang membuat debut Piala Dunia pada edisi 2018.

Nik Aiman juga percaya Malaysia mampu menyaingi kekuatan New Zealand walau pun lawan di ranking lebih tinggi, No. 9 dunia untuk aksi terakhir Kumpulan C di Stadium Kalinga, Bhubaneswar pada Khamis ini.

Dalam masa sama, Nik Aiman berharap dia tidak mengambil masa lama untuk pulih sepenuhnya sejak menjalani pembedahan di Hospital Pakar KPJ Damansara bulan lalu.

"Jangkaan sembahuh sepenuhnya dalam enam hingga sembilan bulan, tetapi sekarang saya dah tak pakai tongkat. Semakin cepat proses pemulihan, semakin cepat saya bersama pasukan," jelasnya.

